

PERUTUSAN

**YB DATO' SRI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSIEN
MENTERI PELAJARAN MALAYSIA MALAYSIA**

**SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN KE-51
TAHUN 2008**

Bismillah-ir Rahman-ir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera.

1. Marilah kita bersama-sama mengucapkan
kesyukuran ke hadrat Ilahi, kerana dengan limpah dan
kurnia-Nya, kita dapat menyambut Ulang Tahun
Kemerdekaan Negara yang ke-51 pada tahun ini.

2. Sesungguhnya dengan kemerdekaan negara,
barulah kita mempunyai peluang yang luas untuk
membangunkan dan memajukan diri mengikut hasrat

dan cita-cita kita sendiri. Tidak mungkin seorang yang tidak merdeka seperti seorang hamba mempunyai kebebasan untuk melakukan apa yang dikehendakinya. Tidak mungkin seorang hamba boleh menentukan masa depannya, malah kehidupan sehariannya, makan dan minum, tidur dan pakai, semua ditentukan oleh tuannya.

Guru-guru dan murid-murid yang dikasihi,

3. Kita bersyukur dengan perjuangan nenek moyang kita dan pejuang-pejuang terdahulu membolehkan negara kita dimerdekakan. Selepas diberikan kemerdekaan tentulah perkara yang paling penting dan yang lebih susah adalah untuk mengisi kemerdekaan negara, bukan sahaja untuk memastikan pembangunan dan kemajuan bangsa dan negara tetapi juga bagi memastikan bangsa dan negara kita terus merdeka baik dari segi fizikal, budaya, ekonomi rohani, psikologikal dan intelektual.

4. Bagaimanapun semua ini tidak dapat dipertahankan sekiranya kita tidak mempunyai ilmu pengetahuan, pegangan yang teguh dan jati diri yang kukuh. Dalam hal ini, pendidikan memainkan peranan penting untuk membangunkan warganegara dan modal insan yang diharapkan.

5. Dalam dunia global hari ini, maju atau mundurnya sesebuah bangsa dan negara ditentukan oleh modal insan yang berpengetahuan luas, berkemahiran tinggi dan berjati diri teguh. Inilah yang dikehendaki oleh kerajaan dan segala perancangan bagi memastikan hasrat ini dicapai telah dinyatakan dengan jelas di dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP).

6. Melalui PIPP, kita ingin melahirkan modal insan yang perlu mampu berfikir secara kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang baru, mempunyai ketahanan diri serta berkebolehan untuk berdepan dengan persekitaran

global yang bersifat dinamik dan mencabar. Saya percaya murid-murid yang cemerlang ilmunya juga cemerlang akhlak dan sahsiahnya. Oleh itu, saya berharap agar semua murid berusaha bersungguh untuk menuntut ilmu, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta memiliki sahsiah dan akhlak yang terpuji. Ingatlah bahawa anak-anak sekaranglah yang akan meneruskan kepimpinan negara dan memajukan negara di masa akan datang.

Guru-guru dan murid-murid yang dikasihi,

7. Impian dan harapan bagi melahirkan modal insan yang benar-benar merdeka ini, tidak akan tercapai sekiranya tidak ada penggemblengan tenaga oleh semua pihak terutama ibu bapa, guru-guru dan masyarakat sekeliling. Dalam konteks pendidikan, kita tidak boleh menolak sam sekali hakikat bahawa guru-gurulah memegang peranan utama sebagai penggerak

dan pemangkin bagi merealisasikan segala cita-cita tersebut.

8. Tentulah bagi menunaikan tanggungjawab yang besar ini, guru perlu melengkapkan diri dengan sebanyak mungkin ilmu pengetahuan dan kemahiran serta memiliki ciri-ciri integriti dalam menjalankan tugas-tugas seharian mereka. Guru-guru juga perlu sentiasa ikhlas, jujur, amanah dan sanggup memikul tugas yang dipertanggungjawab tanpa mengenal erti penat lelah demi memajukan anak bangsa.

Guru-guru dan murid-murid yang dikasihi,

9. Selain pendidikan, kemerdekaan dapat dipertahankan hanya dengan memastikan perpaduan dan keharmonian di dalam negara. Lidi, jika hanya sebatang, begitu mudah dipatahkan. Biri-biri jika terlepas dari kawanan begitu mudah dimangsakan oleh serigala. Kata orang-orang tua, bersatu kita teguh, bercerai kita

robah. Begitulah hakikatnya di dalam masyarakat berbilang kaum di negara kita. Belajarlah dari sejarah, perpecahan akan mendatangkan kekacauan dalam negara. Kekacauan akan mengundang campur tangan kuasa asing, yang seringkali berakhir dengan kompromi yang menyebabkan negara hilang kuasa dan hilang kemerdekaan kepada kuasa asing.

10. Setiap orang, termasuk guru dan murid bertanggungjawab dan mempunyai peranan yang penting bagi memastikan perpaduan antara kita semua, rakyat Malaysia, sentiasa terpelihara. Sebagai warganegara Malaysia, jika kita mahu terus mempertahankan kemerdekaan negera, maka kita wajib bersatu padu, wajib menjaga keharmonian kaum dan wajib menjaga keamanan negara; dan segala-galanya ini tidak boleh kita lakukan jika kita mempunyai semangat cintakan negara yang tinggi dan tidak berusaha

memupuk semangat hormat-menghormati dan bertolak ansur di antara satu sama lain.

11. Sebenarnya tidak ada pihak yang akan rugi sekiranya sifat-sifat terpuji tersebut diamal dan dipraktikkan dalam masyarakat, bahkan jika kita berusaha memupuk nilai-nilai ini sejak usia muda lagi insya-Allah, kita kan hidup aman sentosa, negara boleh dibangunkan, kemajuan dalam pelbagai bidang boleh dicapai, seterusnya negara akan menjadi kuat dan maju sehingga mampu mempertahankan kemerdekaannya.

Guru-guru dan murid-murid yang dikasihi,

12. Sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan negara yang penuh bersejarah ini, saya mengajak warga pendidikan bersama-sama menginsafi perubahan-perubahan mendadak yang berlaku dalam kehidupan kita hari ini. Mahu tidak mahu, kita juga perlu mengubah sikap untuk menangani perubahan mendadak ini.

13. Sebagai contoh, ketika ini dunia sedang dilanda krisis makanan dan kenaikan harga minyak. Oleh itu kita perlulah menanam sikap berjimat cermat dan mengamalkan cara hidup yang lebih bersederhana. Elakkan diri daripada pembaziran kerana amalan pembaziran bukan sahaja merugikan kita, malah boleh menggoncang kekuatan ekonomi negara.

14. Sehubungan dengan itu, kita juga mesti mengubah mentaliti kita kepada pemikiran lebih optimis iaitu sentiasa berfikiran ke hadapan. Misalnya, jika dahulu kita beranggapan bahawa kemajuan negara banyak bergantung kepada penghasilan barangan seperti barangan elektronik, tetapi hari kita wajar melihat industri asas tani sebagai peluang pekerjaan baru yang boleh mendatangkan hasil yang lumayan kepada kita, selain boleh membantu negara kita mengurangkan kebergantungan terhadap bahan-bahan makanan yang diimport.

Guru-guru dan murid-murid yang dikasihi,

14. Kita sebagai pewaris bangsa, perlulah bersama-sama berganding baru melaksanakan tanggungjawab kita demi menjamin kemerdekaan negara yang kita cintai sampai bila-bila. Semoga kita semua dapat bersama-sama berusaha mengisi dan mempertahankan kemerdekaan tanah air sehingga ke akhir hayat kita. Selamat menyambut Ulang Tahun Kemerdekaan kali ke-51.

MERDEKA, MERDEKA, MERDEKA!

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabaratuh